



Tinjauan pendapatan sewa di Pavilion KL Mall adalah positif berikutan jumlah pengunjung yang tinggi terutama pelancong.

Kadar penyewaan pusat beli-belah meningkat

MIDF Research ramal pendapatan stabil bagi sektor amanah hartanah pelaburan

KUALA LUMPUR

MIDF Research meramalkan prospek pendapatan yang stabil untuk amanah hartanah pelaburan (REIT) disokong peningkatan kadar penyewaan di pusat beli-belah.

Katanya, kadar penyewaan terkini kompleks beli-belah setakat suku pertama tahun ini mencatatkan peningkatan kepada 77.6 peratus.

"Kami berpendapat, pemulihan berterusan dalam kadar penyewaan adalah disebabkan oleh bilangan pembeli yang lebih tinggi di pusat beli-belah, yang menyokong jualan

penyewa dan peningkatan permintaan untuk ruang runcit.

"Melihat ke hadapan, kami menjangkakan kadar penyewaan kompleks beli-belah kekal di bawah 80 peratus apabila bekalan ruang runcit menjadi stabil," katanya dalam satu nota kajian pada Rabu.

Firma penyelidikan itu juga menjangkakan pendapatan REIT runcit kekal menggalakkan pada suku kedua tahun ini.

Mereka menjangkakan pertumbuhan pendapatan Pavilion REIT kekal stabil pada suku kedua selepas mencatat pertumbuhan pendapatan dua digit sebanyak 18.7 peratus dari tahun ke tahun pada suku pertama disebabkan sumbangan daripada Pavilion Bukit Jalil dan pendapatan sewa yang lebih tinggi daripada Pavilion KL Mall.

Tinjauan pendapatan sewa dari Pavilion KL Mall adalah positif berikutan jumlah pengunjung yang tinggi yang sebahagiannya dis-

okong kehadiran pelancong yang lebih tinggi, lapor *DagangNews.com*.

Sementara itu, pendapatan IGB REIT dijangka disokong oleh pertumbuhan organik pengembalian sewa yang positif memandangkan Mid Valley Mall dan The Gardens Mall terus menikmati jumlah pengunjung yang tinggi dan kadar penghunian hampir 100 peratus.

Haaa..nak bagi tahu,
ada sesuatu yang
MENARIK
menanti anda
Julai ini!

kembalikan nostalgia
Karnival Rakyat
KARANGPAU

